

٢٨٥ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ الْقَاسِمِ قَالَ سَمِعْتُ الْقَاسِمَ بْنَ مُحَمَّدٍ يَقُولُ سَمِعْتُ عَائِشَةَ تَقُولُ خَرَجْنَا لَا نَرَى إِلَّا الْحَجَّ فَلَمَّا كُنَّا بِسَرِفٍ حِضْتُ فَدَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا أَبْكِي قَالَ مَا لَكَ أَنْفِستِ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ إِنَّ هَذَا أَمْرٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ فَاقْضِي مَا يَقْضِي الْحَاجُّ غَيْرَ أَنْ لَا تَطُوفِي بِالْبَيْتِ قَالَتْ وَضَحَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ نِسَائِهِ بِالْبَقَرِ

285 - `Ali bin Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman meriwayatkan kepada kami, katanya: saya mendengar Abdul Rahman bin al-Qasim, katanya: saya mendengar al-Qasim bin Muhammad berkata: saya mendengar `Aaisyah r.a. berkata: "Kami keluar tanpa memikirkan kecuali untuk mengerjakan haji. Apabila kami berada di Sarif,²²⁹ aku kedatangan haidh. Rasulullah s.a.w. masuk menemuiku ketika aku sedang menangis. Baginda bertanya: Kenapa dengan kamu, adakah engkau telah kedatangan haidh?". Aku menjawab: "Ya". Nabi s.a.w. bersabda: "Ini adalah suatu perkara yang telah ditentukan oleh Allah kepada anak-anak perempuan Adam (anak-anak cucu Adam yang perempuan).²³⁰ Tunaikan (lakukan) seperti mana orang-orang haji tunaikan, cuma engkau jangan berthawaf di Baitillah".²³¹ Kata `Aaisyah r.a. : "Rasulullah s.a.w. telah mengorbankan lembu bagi pihak isteri-isterinya."²³²

٢ - بَابُ غَسْلِ الْحَائِضِ رَأْسَ زَوْجِهَا وَتَرْجِيلِهِ

2 - Bab: Perempuan Berhaidh (Boleh) Membasuh Kepala Suaminya Dan Menyikat Rambutnya.²³³

²²⁹ Nama satu tempat yang terletak kira-kira enam atau tujuh batu dari Mekah.

²³⁰ Termasuk juga Hawwa' sendiri, malah dialah yang mula-mula sekali berhaidh dari kalangan wanita berdasarkan hadits sahih yang dikemukakan oleh Hakim dan Ibnu al-Munzir daripada Ibnu `Abbaas bahawa: "Mula-mula sekali haidh itu dialami oleh Hawwa' setelah dia diturunkan dari syurga." Bukankah anak-anak cucu Adam yang perempuan itu anak-anak cucu Hawwa' juga?!

²³¹ Segala perbuatan yang dilakukan oleh orang-orang yang mengerjakan haji boleh dilakukan olehmu seperti wuquf di `Arafah, pergi ke Muzdalifah, melontar dan lain-lain. Cuma engkau tidak boleh berthawaf di Baitillah kerana ia dikira seperti bersembahyang juga yang memerlukan kesucian diri.

²³² Oleh kerana para isteri Nabi s.a.w. telah bertamattu' dan mereka membuka ihram sebelum mengerjakan haji, maka Rasulullah s.a.w. telah menyembelih lembu sebagai pembayaran dam bagi pihak mereka.

²³³ Di permulaan Kitab haidh ini Imam Bukhari r.a. telah mengemukakan satu ayat al-Qur'an. Di dalamnya terdapat firman Allah yang bermaksud: "hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan di waktu haidh." Di dalamnya juga terdapat firman Allah yang bermaksud: "dan janganlah kamu hampiri mereka sebelum mereka suci." Dengan mengadakan bab ini dan beberapa bab selepasnya Imam Bukhari r.a. mahu menjelaskan maksud perintah Allah supaya menjauhkan diri dari perempuan di waktu haidh dan juga larangannya supaya tidak menghampiri perempuan-perempuan berhaidh

٢٨٦ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا مَالِكٌ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كُنْتُ أَرْجُلُ رَأْسَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا حَائِضٌ

286 - Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin `Urwah daripada ayahnya daripada `Aaisyah r.a, katanya: “Saya selalu menyikat rambut Rasulullah s.a.w. ketika saya sedang berhaidh.”

٢٨٧ - حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى قَالَ أَخْبَرَنَا هِشَامُ بْنُ يُسُفَ أَنَّ ابْنَ جُرَيْجٍ أَخْبَرَهُمْ قَالَ أَخْبَرَنِي هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ عُرْوَةَ أَنَّهُ سُئِلَ أَتَخْدُمُنِي الْحَائِضُ أَوْ تَدْتُو مِنِّي الْمَرْأَةُ وَهِيَ جُنُبٌ فَقَالَ عُرْوَةُ كُلُّ ذَلِكَ عَلَى هَيْنٍ وَكُلُّ ذَلِكَ تَخْدُمُنِي وَلَيْسَ عَلَى أَحَدٍ فِي ذَلِكَ بَأْسٌ أَخْبَرَنِي عَائِشَةُ أَنَّهَا كَانَتْ تُرَجِّلُ تَغْنِي رَأْسَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهِيَ حَائِضٌ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَئِذٍ مُجَاوِرٌ فِي الْمَسْجِدِ يُدْنِي لَهَا رَأْسَهُ وَهِيَ فِي حُجْرَتِهَا فَتَرْجُلُهُ وَهِيَ حَائِضٌ

287 - Ibrahim bin Musa meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam bin Yusuf meriwayatkan kepada kami bahawa Ibnu Juraih meriwayatkan kepada mereka, katanya: Hisyam bin `Urwah meriwayatkan kepada saya daripada `Urwah, bahawa sesungguhnya dia pernah ditanya: “Bolehkah perempuan berhaidh berkhidmat kepada saya atau bolehkah perempuan berjunub menghampiri saya?”. `Urwah menjawab: “Bagi saya tidak ada apa-apa masalah, kedua-dua macam perempuan itu boleh berkhidmat kepada saya dan (sebenarnya) tidak ada apa-apa masalah kepada sesiapa pun dalam perkara ini. `Aaisyah r.a. telah memberitahu saya bahawa ketika sedang

sebelum mereka suci. Apa yang disebutkan oleh Bukhari r.a. di dalam bab-bab itu pada hakikatnya ialah apa-apa yang dikecualikan daripada perintah dan larangan Allah di dalam ayat tadi. Perintah Allah supaya menjauhkan diri dari perempuan di waktu haidh itu bermaksud menjauhkan diri daripada bersetubuh dengan mereka. Dan laranganNya supaya tidak menghampiri perempuan-perempuan berhaidh sebelum mereka suci itu juga bererti larangan menghampiri mereka dengan tujuan bersetubuh. Perintah dan larangan itu langsung tidak ada kena mengena dengan perbuatan menghampiri mereka untuk tujuan-tujuan yang lain. Dua hadits yang dikemukakan oleh Bukhari r.a. di bawah bab ini hanya menyabitkan da'waan kedua beliau sahaja, iaitu menyikat rambut suami ketika berhaidh. Adapun da'waan pertama iaitu membasuh rambut suami ketika berhaidh, itu tidak terdapat di dalam dua hadits di bawah bab ini. Bagaimana pula boleh imam Bukhari r.a. menyebutkannya di dalam tajuk ini? Ada beberapa jawapannya. Pertama: Hadits-hadits di bawah bab ini sebenarnya adalah hadits-hadits yang ringkas (mukhtashar). Imam Bukhari r.a. menyebutkan di dalam tajuk ini tentang keharusan seseorang isteri yang berhaidh membasuh kepala suaminya itu adalah berdasarkan hadits mufassshal (lengkap) berhubung dengan perkara ini seperti yang dikemukakan beliau di dalam bab: 5 hadits no. 290 akan datang misalnya. Di sini beliau berpada dengan isyarat sahaja. Kedua: Boleh jadi juga Imam Bukhari r.a. menyabitkan keharusan perempuan berhaidh membasuh kepala suaminya itu berdasarkan qias dengan keharusan dia menyikat rambutnya.

berhaidh beliau ada menyikat rambut Rasulullah s.a.w. Rasulullah s.a.w. pula di waktu itu sedang beri'tikaf di masjid. Baginda s.a.w. menghulurkan kepala (dari dalam masjid) kepada beliau yang berada di dalam biliknya. Maka dalam keadaan berhaidh itulah beliau menyikat rambut Baginda s.a.w.²³⁴

٣- بَابُ قِرَاءَةِ الرَّجُلِ فِي حَجْرِ امْرَأَتِهِ وَهِيَ حَائِضٌ وَكَانَ أَبُو وَائِلٍ يُرْسِلُ خَادِمَهُ وَهِيَ حَائِضٌ إِلَى أَبِي رَزِينٍ فَتَأْتِيهِ بِالْمُصْحَفِ فَمُسِكَهُ بِعِلَاقَتِهِ

3- Bab: Seseorang Boleh Membaca al-Quran (Dgn Meletakkan Kepala) di pangkuan Isterinya Yg Berhaidh. Abu Wa'il Menghantar Seorang Pelayan Perempuannya Yang Datang Bulan Kepada Abu Razin Untuk Memberikan kepadanya Mushaf. Maka Pelayan Perempuan Itu Membawa Mushaf Tersebut Dengan Memegang Tali Pengikat Sampulnya.²³⁵

٢٨٨- حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ الْفَضْلُ بْنُ دُكَيْنٍ سَمِعَ زُهَيْرًا عَنْ مَنْصُورِ بْنِ صَفِيَّةَ أَنَّ أُمَّهُ حَدَّثَتْهُ أَنَّ عَائِشَةَ حَدَّثَتْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَتَكَبَّرُ فِي حَجْرِي وَأَنَا حَائِضٌ ثُمَّ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ

288 - Abu Nu`aim al-Fadhl bin Dukain meriwayatkan kepada kami, bahawa dia mendengar Zuhair meriwayatkan daripada Mansur bin Safiyyah bahawa ibunya (Safiyyah) meriwayatkan kepadanya sesungguhnya `Aaisyah r.a. bercerita

²³⁴ `Urwah berpendapat perempuan berjunub juga boleh berkhidmat kepada suaminya sama seperti perempuan berhaidh. Dalil yang dibentangkan oleh beliau ialah hadits `Aaisyah r.a. di atas. Padahal di dalam hadits itu tidak ada pun disebut tentang perempuan berjunub. Jawabnya ialah di sini `Urwah telah menggunakan qias aulawi. Antara pengajaran yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Orang yang sedang beri'tikaf boleh mengeluarkan kepalanya atau tangannya atau kakinya dari masjid. Perbuatan seperti ini tidak membatalkan i'tikafnya. (2) Orang yang bersumpah tidak akan masuk ke dalam sesebuah rumah atau tidak akan keluar darinya, tidak akan dikira melanggar sumpahnya itu jika dia hanya memasukkan sebahagian dari tubuhnya atau mengeluarkannya dari rumah itu. (3) Seseorang boleh mendapat khidmat isterinya untuk mandi, membasuh rambut dan lain-lain dengan rela hatinya. (4) Anggota tubuh badan perempuan yang berhaidh itu suci selagi ia tidak terkena najis yang nyata. Demikian juga dengan peluhnya, air matanya dan sisa-sisa makanan dan minumannya (5) Harus bersentuh-sentuhan kulit dengan perempuan yang berhaidh. (6) Hadits ini menunjukkan bahawa mubasyarah yang dilarang orang yang beri'tikaf melakukannya (lihat Surah al-Baqarah: 187) bukan dengan erti bersentuh-sentuhan kulit tetapi dengan erti bersetubuh atau perkara-perkara lain yang boleh membangkitkan nafsu syahwat.

²³⁵ Melalui bab ini Imam Bukhari r.a. sekurang-kurangnya mahu menyabitkan dua perkara. Pertama: Perempuan berhaidh boleh menanggung, membawa dan memegang al-Qur'an. Kedua: Harus membaca al-Qur'an di tempat yang dekat dengan sesuatu kotoran atau najis. Atsar Abu Waa'il di atas telah dikemukakan dengan sanad yang lengkap dan sahih oleh Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya.

kepadanya: “Ketika aku sedang berhaidh, seringkali Nabi s.a.w. berbaring (dengan meletakkan kepala) di pangkuanku, lalu beliau s.a.w. membaca al-Quran.”

٤- باب مَنْ سَمِيَ النَّفَاسَ حَيْضًا وَالْحَيْضَ نَفَاسًا

4 - Bab: Orang Yang Memakai Perkataan Nifas Untuk Haidh Dan Perkataan Haidh (Pula) Untuk Nifas.²³⁶

٢٨٩- حَدَّثَنَا الْمَكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ حَدَّثَنَا هِشَامٌ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ أَنَّ زَيْنَبَ بِنْتَ أُمِّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهُ أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ حَدَّثَتْهَا قَالَتْ بَيْنَا أَنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُضْطَجِعَةً فِي خَمِيصَةٍ إِذْ حِضْتُ فَأَنْسَلْتُ فَأَخَذْتُ ثِيَابَ حِيضَتِي قَالَ أَنْفَسْتُ قُلْتُ نَعَمْ فَدَعَانِي فَاضْطَجَعْتُ مَعَهُ فِي الْخَمِيصَةِ

289 - Al-Makki bin Ibrahim meriwayatkan kepada kami, katanya; Hisyam meriwayatkan daripada Yahya bin Abi Katsir daripada Abi Salamah bahawa Zainab binti Ummi Salamah bercerita, sesungguhnya Ummu Salamah menceritakan kepadanya, katanya: “Ketika saya sedang berbaring-barang dalam satu selimut bersama Rasulullah s.a.w., tiba-tiba saya kedatangan haidh. Saya keluar daripada selimut itu dan mengambil pakaian haidh saya”. Nabi s.a.w. bertanya: “Adakah engkau telah bernifas (berhaidh)?” Saya menjawab: “Ya.” Baginda s.a.w. selepas itu memanggil saya dan saya berbaring (tidur lagi) bersama beliau s.a.w. di dalam selimut tadi.”²³⁷

²³⁶ Bab ini diadakan dengan tujuan menyatakan bahawa haidh dan nifas mempunyai banyak persamaan dari segi hukum Syara'. Terdapat banyak juga persamaan hukum di antara perempuan berhaidh dan perempuan bernifas. Bagi Bukhari r.a. pemakaian perkataan nifas untuk haidh dan sebaliknya oleh Nabi s.a.w. bukan semata-mata untuk menyatakan keharusan penggunaannya dari segi bahasa, justeru itu bukanlah tugas utama beliau s.a.w. Malah menerusnya Baginda s.a.w. mahu mengisytarkan kepada banyaknya terdapat persamaan hukum di antara kedua-duanya. Selain itu oleh kerana Imam Bukhari r.a. tidak mendapati riwayat yang menepati syarat-syaratnya berhubung dengan hukum nifas, maka beliau telah memilih jalannya sendiri untuk menyabitkan hukumnya iaitu dengan meneliti dan melihat kepada sikap Rasulullah s.a.w. sendiri dalam perkara ini.

²³⁷ Antara panduan yang diperolehi dari hadits ini ialah: (1) Harus tidur bersama isteri yang berhaidh dalam satu selimut. (2) Seseorang perempuan elok menyimpan kain atau pakaian khusus untuk dipakai ketika datang bulan. (3) Peluh perempuan berhaidh adalah suci. (4) Kebanyakan hukum perempuan berhaidh dan bernifas adalah sama, seperti kedua-dua mereka tidak boleh bersembahyang, berthawaf, berpuasa dan lain-lain.